

14/08/2001

Pengucapan Puisi Utara meriah

Ihsan Noorzali

USAHA memartabatkan puisi kepada semua tetap menjadi agenda utama organisasi bahasa dan sastera nasional, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Walau di mana sudut dan penjuru negara, kita melihat puisi terus diangkat pada majlis yang menyaksikan penyair handalan tanah air tampil menyuarakan mesej yang tersirat menerusi bait puisi mereka.

Pada 1 Ogos lalu, Taman Budaya Negeri di Alor Star menjadi gelanggang Pengucapan Puisi Utara (PPU) 2001 anjuran DBP Wilayah Utara pimpinan Salmiah Ismail.

Sultan dan Sultanah Kedah yang perkenan berangkat merasmikan program tahunan itu sesungguhnya memberi kekuatan kepada penganjur untuk meneruskan acara baca puisi di utara Malaysia.

Pada tahun lalu, Dewan Warisan, Pulau Pinang menjadi medan berkumandangnya suara penyair utara. Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Datuk Abdul Rahim Abu Bakar yang menyampaikan ucapan aluannya, berkata proses memartabatkan sastera Melayu menuntut pengorbanan yang bukan sedikit dan usaha ke arah itu memerlukan pembabitan pelbagai pihak.

Menjelang abad ke-21 dengan era globalisasinya yang memerlukan masyarakat berilmu, ia membawa padah kepada tamadun bangsa yang kita pertahankan jika sebaliknya.

"Kita berharap globalisasi tidak sampai melenyapkan jati diri bangsa Melayu, tetapi globalisasi semestinya dijadikan landasan untuk memartabat sastera," katanya.

Generasi hari ini, katanya, tidak harus menyimpang daripada peradaban bangsa dan jika kita memiliki jiwa halus Melayu, kita perlu kenal diri sebagai warisan bangsa.

"Abad ini menyaksikan kebangkitan sastera dan diharapkan semua persatuan penulis serta pencinta sastera terus menyemarakkan semangat bersastera di negara ini kerana sastera boleh membantu memelihara nilai murni peradaban bangsa," katanya.

PPU dipengacarakan Bob dan Ras Adiba Radzi dari TV3 dimulai dengan pembacaan gurindam oleh Wan Ismalinda Wan Jaafar berjudul Menjunjung Kasih dengan suara lunak merdunya.

A Aziz Deraman seterusnya mengucapkan puisi Awang Gedebe yang terkandung dalam antologi puisi terbarunya Bahtera Madani. Penyair Kedah yang puisinya berunsur ketuhanan, Zaidin Abadi (Saadin Abdullah) pula menampilkan Rindu Diriku yang disulamkan zikir ternyata menyentuh perasaan hadirin.

Datuk Dr Ahmad Kamal Abdullah (Kemala) dengan nada bersahaja dan sederhana menyampaikan Sesuatu Di Kanvasku dan Kanvas Universal.

Seorang penyanyi lagu puisi yang berpotensi berasal dari Felda Lubuk Merbau, Ed Lazim dilihat berjaya menyuntik sentuhan naluri kepada hadirin lantaran kemampuannya menyanyikan dua lagu ciptaannya sendiri dari puisi Pada Setiap Kali Kau Tiba, Ogos (karya Kemala) dan Di Fikir Kembali.

Penyanyi lagu puisi ini mempunyai nada suara tersendiri dan mampu mencipta lagu meskipun penglihatan matanya kurang jelas.

Penyair wanita yang masih setia menetap di Kedah dan masih berkarya, Zakiah Bahari membaca puisi Inilah Ketakwaan, sementara Dr Firdaus Abdullah dari Universiti Malaya menyampaikan Balada Perjuangan yang diciptanya sempena ulang tahun kemerdekaan negara.

Dr Firdaus melontarkan suara patriotik penuh semangat dengan puisi kronologi antara zaman memperjuangkan kemerdekaan dan Dr Mahathir dengan

gagasannya iaitu Wawasan 2020.

Penyair veteran yang tidak pernah berpaling dari dunia kepenyairan, Affrini Adham mengangkat puisi Kuala Kedah yang disiarkan Berita Minggu pada 24 Januari 1988 untuk hadirin.

Penyair Dharmawijaya yang terkenal dengan puisinya Kampung Talang dengan nada yang cukup sentimental menyuarakan puisinya Tanah Airku diikuti penyanyi lagu puisi yang pernah menghasilkan album, Ahmad Ramli dari Pulau Pinang.

Ahmad Ramli menyampaikan lagu puisi yang diangkat daripada puisi karya Jihaty Abadi, Dalam Keadilan dan Merpati Putih Buat Kosovo yang mengajak hadirin mengimbau penderitaan rakyat Kosovo dilanda masalah penindasan etnik.

Sasterawan Negara Muhammad Salleh mempersembahkan puisi Muqaddimah yang berlatarkan cerita dari Sejarah Melayu. Ramli M I yang terkenal dengan kebolehannya menyampaikan seloka, menampilkan seloka sambil berkompang berjudul Pusaka Lama.

Penyair muda yang pernah muncul Sayembara Deklamasi Puisi Kebangsaan, Ahmad Shukri Abdullah, walaupun tidak menetap di Perlis membacakan puisi berjudul Bingkisan Negeriku Indera Kayangan sebagai tanda kasih setia terhadap negeri kelahirannya.

Ria Asmira lepasan Akademi Seni Kebangsaan (AKS) dengan nada bersemangat menyampaikan Semarak Ogos sementara Syed Mahathir Syed Omar membuatkan hadirin tidak kering gusi apabila membaca puisi berloghat pedalaman Kuala Nerang berjudul Dulu dan La Ni.

Ras Adiba Radzi ternyata tidak mengecewakan hadirin dengan kemantapan persembahan berwarnanya apabila membaca dan menyanyikan lagu puisi karya Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perjuangan Yang Belum Selesai.

Penyair yang terkenal dengan alunan nada dan vokalnya, Puzi Hadi muncul dengan puisi terbarunya I Love You yang sinis dan lucu tetapi sesekali serius. PPU berakhir dengan bacaan syair gabungan Wan Ismalinda dengan nada Kedah dan Ras Adiba dalam nada Johor-Riau.

(END)